Utusan Borneo : 26 November 2026

Lelaki terlibat aktiviti pemberi pinjaman wang tanpa lesen didenda RM8,000

SIBU: Mahkamah Majistret Sibu semalam menjatuhkan hukuman denda RM8,000 atau penjara lapan bulan terhadap seorang lelaki kerana memiliki kad perniagaan bagi aktiviti pemberi pinjaman wang tanpa lesen.

Law Thai Lai, 44, dijatuhi hukuman itu setelah mengaku bersalah terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 29AA(1) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 di hadapan Majistret Romario Jonoi.

Seksyen tersebut memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, Law didakwa memiliki satu kad perniagaan yang mengandungi butiran seorang pemberi pinjam wang yang menjalankan aktiviti pemberian pinjaman wang tanpa lesen, yang bertentangan dengan Subseksyen 5(1) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di sebuah restoran di Jalan Sena pada 11 April 2026.

Berdasarkan fakta kes, pengadu yang juga peniaga telah menerima sejumlah wang daripada individu yang tidak dikenali ke dalam akaun bank peribadinya pada bulan Januari 2026.

Seterusnya, individu-individu tersebut menghubungi pengadu melalui WhatsApp dan mendakwa bahawa wang yang dipindahkan itu merupakan pinjaman perniagaan serta menuntut pembayaran balik berserta kadar faedah tertentu.

Walaupun pengadu menafikan pernah memohon sebarang pinjaman, individu-individu tersebut terus mengugut untuk menyebarkan gambar-gambarnya dan mengganggu ahli keluarganya sekiranya bayaran tidak dibuat.

Susulan itu, kira-kira 70 individu lain turut memindahkan wang ke dalam akaun bank pengadu menggunakan modus operandi yang sama dan kemudian menuntut pembayaran balik daripadanya.

Pengadu tidak dapat menyatakan jumlah keseluruhan wang yang diterima, namun memaklumkan bahawa beliau telah membuat pembayaran balik berjumlah RM19,000 ke dalam tiga akaun bank yang berbeza.

Pengadu turut menyatakan bahawa sebahagian daripada pinjaman tersebut diperoleh tanpa pengetahuannya dan kesemua urusan dijalankan melalui WhatsApp, tanpa beliau mengenali secara peribadi mana-mana individu yang terlibat.

Selain itu, pengadu turut menerima ugutan melalui panggilan telefon yang mengancam keselamatan diri dan keluarganya, termasuk ugutan untuk mencederakannya serta menculik anaknya.

Hasil siasatan yang dijalankan mendapati bahawa tertuduh memiliki sekeping kad perniagaan yang mengandungi butiran seorang pemberi pinjaman wang ketika ditahan di sebuah restoran di Jalan Sena pada 11 April 2026.

Siasatan lanjut mendedahkan bahawa kad nama tersebut mengandungi butiran seorang pemberi pinjaman wang yang menjalankan aktiviti pemberian pinjaman wang tanpa lesen yang sah, sekali gus melanggar Subseksyen 5(1) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951.

Kad nama tersebut ditemui dalam milikan tertuduh dan dipercayai mempunyai kaitan dengan aktiviti pemberian pinjaman wang tanpa lesen.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Ting Yew Kang sementara tertuduh yang tidak diwakili peguam bela, dibebaskan setelah membayar dendanya.